

## **DAP kelirukan kaum Cina, kata Ibrahim Ali**

**Free Malaysia Today**

**21 March 2014**

**Oleh FMT Staff**

PETALING JAYA: DAP terus mengelirukan masyarakat Cina dengan menyerang Perkasa yang kononnya NGO rasis sedangkan parti itu yang menyokong negara Islam dan Hukum Hudud PAS.

Menurut Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali, DAP terus menerus menyerang Perkasa sebaliknya parti itu bapak rasis.

“DAP ibarat binatang yang hidup di padang pasir, kepalanya disembunyikan dalam pasir tetapi punggungnya tertunggeng di luar,” kata beliau dalam satu kenyataan yang dihantar kepada FMT dari Kuching, Sarawak.

Pagi tadi Ibrahim telah menemui Persatuan Melayu Sarawak dalam rangka lawatannya ke negeri tersebut.

“DAP menakutkan orang Cina jangan undi BN kerana BN yang menyokong Perkasa,” katanya.

Sebaliknya, tambahnya lagi, orang Cina sepatutnya takut dengan DAP kerana ia menyokong hukum Hudud yang diperjuangkan oleh PAS.

Ibrahim yang juga bekas ahli parlimen Pasir Mas berkata Perkasa rasa bangga dengan serangan dan fitnah DAP.

“Saya akan terus berjuang menyedarkan orang Melayu akan bahaya politik DAP,” tegas beliau.

Beliau mengucapkan tahniah kepada DAP kerana menerima negara Islam dan hukum hudud PAS.

“Kalau tak terima masakan boleh kerjasama dengan PAS dan pakai baju berlogo PAS,” sindir beliau.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/21/dap-kelirukan-kaum-cina-kata-ibrahim-ali/>